



LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

PEKELILING CIDB – BIL 1/2025

PEMAKLUMAN PENGEMASKINIAN SYARAT DAN PENSTRUKTURAN SEMULA TINDAKAN PELANGGARAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN

1.0 TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak-pihak berkaitan dalam industri pembinaan mengenai pengemaskinian syarat Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) termasuk Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Kontraktor Ekuiti Asing (SPKKA). Selain itu, surat pekeliling ini juga bertujuan untuk memaklumkan penstrukturan semula tindakan pelanggaran SPKK dan SPKKA tersebut.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Bermula 15 Oktober 2012, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus pendaftaran dan merekodkan tindakan terhadap kontraktor yang memegang SPKK.
- 2.2 Pengurusan pendaftaran dan merekodkan tindakan SPKK dan SPKKA kini adalah berdasarkan:
- i. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2012
 - ii. Arahan Perbendaharaan (Pindaan) Bil 3 tahun 2012
 - iii. Pekeliling Perbendaharaan PK 1.1 Tahun 2020
 - iv. Surat pekeliling CIDB Bil 1/2015
- 2.3 Selaras dengan keputusan terkini Kementerian Kewangan, syarat-syarat Sijil Perolehan Kerja Kerajaan sedia ada dikemaskini supaya lebih relevan dengan perkembangan industri pembinaan semasa, selain memastikan hanya kontraktor yang menepati kelayakan dan berintegriti menyertai projek perolehan kerajaan.

- 2.4 Selaras dengan keputusan terkini Kementerian Kewangan juga, penstrukturan tindakan-tindakan ke atas pelanggaran yang dilakukan oleh kontraktor yang memegang Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dibuat bagi memastikan kontraktor-kontraktor tersebut lebih responsif terhadap keperluan semasa disamping meningkatkan keberkesanan tindakan pelanggaran syarat oleh pemegang Sijil Perolehan Kerja Kerajaan.

3.0 PENGEMASKINIAN SYARAT SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN

- 3.1 Pengemaskinian syarat Sijil Perolehan Kerja Kerajaan adalah seperti di **Lampiran A**

4.0 PENSTRUKTURAN TINDAKAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN

- 4.1 Penstrukturan bentuk tindakan atas pelanggaran syarat Sijil Perolehan Kerja Kerajaan adalah seperti di **Lampiran B**.

5.0 PERLAKSANAAN

- 5.1 Pengemaskinian syarat dan penstrukturan tindakan ini terpakai ke atas kontraktor yang memegang Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) termasuk Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Kontraktor Ekuiti Asing (SPKKA) sahaja.
- 5.2 Kegagalan Kontraktor memenuhi syarat minimum penarafan Pensijilan Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE) yang ditetapkan boleh menyebabkan kontraktor tidak dapat membuat permohonan pendaftaran semula Sijil Perolehan Kerja Kerajaan.
- 5.3 Perlaksanaan Pensijilan *Anti-Bribery Management System* (ABMS) kepada semua kontraktor gred G7 bagi permohonan baharu dan pendaftaran semula Sijil Perolehan Kerja Kerajaan akan **bermula Januari 2027**.
- 5.4 Tindakan gantung atau tarik balik Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) tidak akan menjejaskan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) melainkan tindakan berasingan di ambil keatas PPK.
- 5.5 Sebarang permohonan rayuan pelepasan tindakan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Rayuan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan.

5.6 Garis panduan pelaksanaan syarat dan tindakan SPKK yang telah dikemaskini ini boleh dimuat turun dari laman sesawang CIDB, di www.cidb.gov.my.

5.7 Permohonan berkaitan SPKK boleh dibuat oleh kontraktor melalui atas talian di cims.cidb.gov.my dan fi proses bagi setiap permohonan yang dikemukakan akan dikenakan.

6.0 PEMBATALAN DAN KUATKUASA


Surat pekeliling CIDB Bil 1/2015 adalah dibatalkan dan tarikh kuatkuasa pengemaskinian syarat dan penstrukturan tindakan SPKK termasuk SPKKA ini berkuatkuasa serta merta.

7.0 PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi e-bantuan : <http://www.cidb.gov.my/e-bantuan>.

“MALAYSIA MADANI”

“ BINA SEMPURNA”



ZAINORA ZAINAL

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

LAMPIRAN A

PENGEMASKINIAN SYARAT SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN

BIL	PERKARA	PENERANGAN
1.	Pengecualian penglibatan pengarah dan pemegang saham syarikat	Pengecualian syarat dibenarkan bagi Pengarah dan pemegang saham yang dilantik mewakili: <ul style="list-style-type: none"> a) Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), atau Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC); b) Koperasi yang berdaftar; c) Syarikat awam yang tersenarai di Bursa Malaysia
2.	Pensijilan Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE)	Semua kontraktor G2 – G7 yang membuat pendaftaran semula Sijil Perolehan Kerja Kerajaan perlu mempunyai sijil SCORE yang sah dengan penarafan minimum seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • G2 – G4 : 2 Bintang • G5 – G7 : 3 Bintang
3.	Pensijilan <i>Contractor Quality Management System (CQMS)</i>	Contractor Quality Management System (CQMS) diterima sebagai pensijilan alternatif kepada pensijilan kepada ISO 9001.
4.	Pensijilan <i>Anti-Bribery Management System (ABMS)</i> MS37001	Semua kontraktor gred G7 disyaratkan untuk memiliki pensijilan MS37001 bagi permohonan baharu dan pendaftaran semula Sijil Perolehan Kerja Kerajaan

LAMPIRAN B

**PENSTRUKTURAN SEMULA TINDAKAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN
TERMASUK SIJIL SPKKA**

Bil.	Jenis Pelanggaran	Tindakan
1	Pemalsuan atau pindaan maklumat/dokumen bagi tujuan: <ul style="list-style-type: none"> i. Menyertai tender/sebutharga atau mendapatkan kontrak ii. Mengemukakan permohonan untuk menjadi kontraktor penyiap (JSKP) 	<ul style="list-style-type: none"> a. Gantung Pendaftaran SPKK dan SPKKA dua (2) tahun b. Jika kesalahan berulang, SPKK dan SPKKA ditarik balik.
2	Menarik diri selepas penutupan tender/sebutharga	<ul style="list-style-type: none"> a. Gantung Pendaftaran SPKK dan SPKKA satu (1) tahun b. Jika kesalahan berulang, SPKK dan SPKKA ditarik balik.
3	Menarik diri setelah Surat Setuju Terima/Inden kerja dikeluarkan	<ul style="list-style-type: none"> a. Gantung Pendaftaran SPKK dan SPKKA dua (2) tahun b. Jika kesalahan berulang, SPKK dan SPKKA ditarik balik.
4	Sub-kontrak sebahagian atau sepenuhnya tanpa persetujuan Pegawai Penguasa/Pengarah Projek/Pegawai Inden <ul style="list-style-type: none"> a. Tender b. Sebutharga 	<ul style="list-style-type: none"> a. Gantung Pendaftaran SPKK dan SPKKA dua (2) tahun b. Gantung Pendaftaran SPKK dan SPKKA satu (1) tahun c. Jika kesalahan berulang, SPKK dan SPKKA ditarik balik.
5	Gagal mematuhi obligasi kontrak <ul style="list-style-type: none"> i. Lewat ii. Tidak menepati spesifikasi 	Amaran

Bil.	Jenis Pelanggaran	Tindakan
	iii. Perakuan Kerja Tidak Siap (Certificate of Non Completion)	
6.	Penamatan bagi kontrak kerja yang dipanggil secara tender/ sebutharga <ol style="list-style-type: none"> a. Tender b. Sebutharga 	<ol style="list-style-type: none"> a. Gantung Pendaftaran SPKK dan SPKKA dua (2) tahun b. Gantung Pendaftaran SPKK dan SPKKA satu (1) tahun Nota: <ol style="list-style-type: none"> i. Lembaga Pengarah/pemilik syarikat disenarai hitam sehingga tamat tempoh penggantungan SPKK dan SPKKA. ii. Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik syarikat hanya boleh dipohon setelah tamat tempoh hukuman yang ditetapkan. <ol style="list-style-type: none"> c. Jika kesalahan berulang, SPKK dan SPKKA terbatal
7	Kontraktor menyertai perolehan Kerja Kerajaan dalam tempoh penggantungan	<ol style="list-style-type: none"> a. Batal Pendaftaran SPKK dan SPKKA, dan b. Lembaga Pengarah/Pemilik syarikat disenaraihitam bagi tempoh 3 tahun Nota: Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik syarikat hanya boleh dipohon setelah tamat tempoh hukuman yang ditetapkan.
8	Kesalahan membenarkan SPKK digunakan oleh pihak lain.	<ol style="list-style-type: none"> a. Gantung Pendaftaran SPKK dan SPKKA dua (2) tahun b. Jika kesalahan berulang, SPKK dan SPKKA terbatal

Bil.	Jenis Pelanggaran	Tindakan	
9	Lain-lain kesalahan yang berkaitan dengan syarat tawaran dan syarat kontrak	Amaran	
10	Syarikat dikenakan tindakan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Tindakan Mahkamah (Sivil atau Jenayah)	a. Gantung Pendaftaran SPKK dan SPKKA dua (2) tahun	
11	Tempoh minima hukuman sebelum dibenarkan membuat permohonan semakan semula	Jenis tindakan	Tempoh mengemukakan semakan semula
		Gantung 1 tahun	3 bulan selepas tindakan dikenakan
		Gantung 2 tahun	6 bulan selepas tindakan dikenakan
		Tarik Balik	6 bulan selepas tindakan dikenakan